

## **PERUTUSAN HARI RAYA AIDILFITRI 2017/1438H**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh  
Salam Sejahtera dan Salam Negaraku  
Saudara Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah

Kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya kita masih berkesempatan untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri 1438 Hijrah pada tahun 2017 ini dalam suasana yang aman dan sejahtera. InsyaAllah.

Bersempena dengan hari yang mulia ini, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada seluruh kaum Muslimin dan Muslimat khususnya kepada semua warga kerja KTMB dan para penumpang KTMB, umumnya.

Aidilfitri yang kita rayakan pada hari ini merupakan tanda kemenangan umat Islam setelah berjaya mengharungi ibadah puasa selama sebulan dengan menahan diri daripada makan dan minum serta mentarbiahkan diri dengan mengerjakan amal ibadah sepanjang bulan Ramadhan demi menunaikan kewajipan sebagai seorang muslim.

Justeru, sambutan Hari Raya Aidilfitri membawa kepada pengertian kebersihan jiwa dan kesucian hati serta kesegaran pada tubuh dan minda. Dengan memiliki jiwa dan hati yang suci bersih, umat Islam dapat berkumpul beramai-ramai sambil menghulurkan tangan sebagai tanda bermaaf-maafan antara satu sama lain dalam suasana harmoni dan persaudaraan.

Sukacita untuk saya mengingatkan kepada yang akan pulang ke kampung halaman untuk berhari raya dengan menaiki perkhidmatan KTMB, ingin saya nasihatkan agar **memastikan tarikh perjalanan anda adalah betul pada tiket yang dibeli, datang awal ke stesen sekurang-kurangnya 30 minit sebelum tren dijadualkan berlepas dan sila pastikan keselamatan diri, keluarga dan barangan ketika berada di stesen mahupun di dalam tren.** Saya doakan agar perjalanan Tuan/Puan berjalan lancar dan tiba di destinasi dengan selamat hendaknya.

Saya dengan rasa rendah diri menyusun sepuluh jari memohon maaf sekiranya sepanjang penglibatan saya di KTMB ini ada terkasar pertuturan atau perbuatan samada secara sengaja mahupun tidak. Akhir sekali, saya dengan seikhlas hati semurni kasih menyampaikan ucapan **SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI. MAAF ZAHIR DAN BATIN.**

Sekian. Wabillahitaufiq Walhidayah Wassaassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**YB. DATO' IR HAJI NAWAWI HAJI AHMAD**  
**PENGERUSI KTMB**